

PERSEPSI MAHASISWA UMS TERHADAP IMPAK COVID-19 DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK INTERPRETASI KRIGING DALAM KAMPUS UMS

(UMS STUDENTS PERCEPTION TOWARDS THE COVID-19 IMPACT BASED KRIGING
INTERPRETATION TECHNIQUE IN UMS CAMPUS)

ZAINUDDIN, P. N.¹ – HUA, A. K.^{1*} – ZAKARIA, Z.¹ – RIDZUAN, M. I. M.¹ – JAMBOL, D. J. A.¹ –
YUSOH, M. P.² – GANI, P.³

¹ *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

² *Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

³ *Fakulti Kejuruteraan dan Sains, Curtin University Malaysia, Sarawak, Malaysia.*

**Corresponding author*

e-mail: angkeanhua[at]ums.edu.my

(Received 21st November 2023; accepted 20th January 2024)

Abstrak. Wabak COVID-19 telah membawa kesan negatif kepada dunia dalam pelbagai sektor termasuklah ekonomi, politik, kesihatan dan kehidupan sosial antara manusia. Selain itu, Pendidikan juga terkesan akibat daripada penularan wabak ini. Oleh itu, kajian penyelidikan ini dijalankan dengan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor penularan COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS dengan menggunakan aplikasi 'Geography Information System' (GIS). Metod yang digunakan adalah kuantitatif dalam mengumpul data-data primer, dengan menggunakan kaedah soal selidik yang maklumatnya dikumpul daripada responden, iaitu mahasiswa UMS. Soal selidik dibahagikan kepada dua, iaitu bahagian A: Demografi, dan bahagian B: Faktor penularan wabak COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS; serta menggunakan Skala Likert yang disetkan dalam soal selidik. Analisis dalam kajian ini adalah deskriptif dan Kriging. Dapatan kajian menunjukkan penjarakan sosial dan memakai pelitup muka ketika berada di tempat awam adalah sangat penting demi menjaga kesihatan dan mengelakkan peularan COVID-19 terus merebak. Selain itu, mengambil vaksin, jaga Kesihatan, dan kurang berkongsi barangan peribadi (seperti laptop) banyak membantu dalam memutuskan penularan wabak berjangkit ini. Di samping itu, responden juga amat setuju bahawa kurang melepak dan kurang menghadiri kelas secara fizikal boleh menggalakkan keberkesanan pengurangan penyakit berjangkit ini terus tersebar dalam kalangan mahasiswa UMS. Kesimpulannya, COVID-19 telah menyebabkan mahasiswa terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menuntut ilmu ketika berada di dalam kampus UMS. Sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pelajar yang enggan memakai pelitup muka akan menyebabkan virus ini terus menular dalam kalangan mahasiswa di UMS. Virus ini telah menyebabkan tahap kesejahteraan dan kesihatan fizikal para pelajar merosot dan terjejas (jika pelajar tersebut dijangkiti). Namun, majoriti mahasiswa masih mengamalkan beberapa langkah pencegahan seperti menjaga kebersihan diri dan sekeliling bagi mengurangkan penularan wabak ini terus tersebar.

Katakunci: *COVID-19, GIS, Kriging, kuantitatif, mahasiswa UMS*

Abstract. The outbreak of COVID-19 has brought negative effects to the world in various sectors including economy, politics, health and social life between human. In addition, education is also affected due to the spread of this epidemic. Therefore, this research study was conducted with the aim of identifying the factors of COVID-19 spreading among UMS students by using the 'Geography Information System' (GIS) application. The method used is quantitative in collecting primary data, by using the questionnaire method whereby information is collected from the respondents, namely UMS students. The questionnaire is divided into two, namely part A: Demographics, and part B: Factors of the spread of the COVID-19 epidemic among UMS students; as well as using the Likert Scale set in the questionnaire. The analysis in this study is descriptive and Kriging. The findings of the study show that

social distancing and wearing a face mask when in public is very important to maintain health and prevent the spread of COVID-19. In addition, taking vaccinations, taking care of your health and less sharing of personal items (such as laptops) help a lot in stopping the spread of this infectious disease. In addition, respondents also strongly agreed that less hanging out and less physically attending classes can promote the effectiveness of reducing the spread of infectious diseases among UMS students. In conclusion, COVID-19 has caused students to face various challenges in learning while on the UMS campus. The irresponsible attitude of some students who refuse to wear face masks will cause this virus to continue to spread among students at UMS. This virus has caused the level of well-being and physical health of the students to decline and be affected (if the student is infected). However, the majority of students still practice some preventive measures such as keeping themselves and their surroundings clean to reduce the spread of this epidemic.

Keywords: *COVID-19, GIS, Kriging, quantitative, UMS students*

Pengenalan

Virus SARS-CoV-2 bertanggungjawab untuk penyakit COVID-19, kadangkala dirujuk sebagai coronavirus. Pada penghujung tahun 2019, virus itu mula merebak di negara China, dan ia dengan pantas merebak ke negara lain, termasuk Malaysia. Di Malaysia, COVID-19 mula mendapat perhatian pada Januari 2020. Untuk menghentikan penularan ini, pihak berkuasa segera mengambil langkah berjaga-jaga. Kedua-dua Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pusat Kawalan Penyakit Malaysia (MyCDC) telah berusaha keras untuk melindungi rakyat Malaysia daripada wabak ini. Di Malaysia, penularan dari manusia ke manusia adalah kaedah utama penularan COVID-19. Orang yang dijangkiti mungkin menunjukkan gejala ringan hingga teruk, termasuk keletihan, demam, batuk, sesak nafas dan kehilangan rasa dan bau. Risiko komplikasi dan kematian meningkat pada orang tua dan orang yang mempunyai penyakit kronik. Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah pencegahan untuk mengehadkan penularan wabak itu. Ini termasuk sekatan ke atas perjalanan asing, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), pemakaian topeng muka, penubuhan kemudahan ujian COVID-19, dan penggunaan vaksin besar-besaran.

Semua institusi Pendidikan termasuk UMS telah ditutup semasa pandemik COVID-19 demi keselamatan semua orang mengikut keputusan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan saranan KKM (Salleh dan Said, 2022). Banyak sektor persekolahan terjejas oleh penutupan ini (Mokhtar et al., 2021; Chear et al, 2018). Agensi kesihatan juga telah menetapkan peraturan tambahan yang mesti dipatuhi masyarakat, termasuk memakai topeng pelitup muka, menggunakan hand sanitizer dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) semasa keluar rumah. Semua langkah ini dilakukan untuk melindungi kesihatan dan keselamatan masyarakat serta menghentikan penularan wabak tersebut (Sarasnita et al., 2021). Untuk melindungi diri kita dan orang lain, adalah penting untuk warga manusia mematuhi peraturan ini. Kehadiran wabak COVID-19 telah membawa pelbagai kesan yang negatif kepada dunia dalam pelbagai sektor termasuklah ekonomi, politik, kesihatan dan pendidikan. Antara permasalahan yang timbul dan dapat menarik perhatian pengkaji adalah COVID-19 membawa impak kepada psikososial para pelajar (Kaslim dan Ashaari, 2022; Nor et al., 2022; Chong et al., 2021; Nugraha et al., 2021). Hal ini diperkatakan demikian kerana semenjak kehadiran wabak ini, pelajar sangat terkesan secara psikososial oleh wabak Covid-19 (Yulita dan Rizka, 2021; Yunus et al., 2021). Persoalannya, apakah faktor utama yang menggalakkan penularan wabak Covid-19 dalam kalangan mahasiswa UMS? Oleh itu, penyelidikan ini dijalankan bagi

mengenalpasti punca penularan COVID-19; dengan objektif kajian adalah mengenalpasti faktor penularan COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS.

Instrumen dan Metod Kajian

Soal selidik merupakan antara salah satu kaedah bagi mendapatkan dan mengumpulkan data yang diperlukan dan bagi menjawab persoalan kajian yang timbul. Soal selidik ini telah diedarkan secara rawak kepada mahasiswa Universiti Malaysia Sabah. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A yang berkaitan dengan maklumat responden; dan bahagian B pula berkaitan dengan faktor penularan COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS. Kesemua bahagian dalam borang soal selidik ini sangat penting untuk memperolehi dan mengumpul maklumat berkenaan dengan COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS. Selain itu, soal selidik ini diedarkan kepada mahasiswa UMS sahaja, dimana soal selidik ini lebih memfokuskan kepada skala likert sahaja. Dengan kata lain, skala likert boleh dibahagikan kepada 5 skala. Seperti yang dibincangkan terdahulu, dimana bahagian B adalah untuk mengetahui tentang faktor penularan wabak COVID-19.


Analisis kajian merupakan antara salah satu kaedah untuk mendapatkan hasil kajian yang diadakan. Selepas mengumpulkan data yang diperlukan dalam soal selidik, pengkaji menjalankan analisis data bagi memperolehi hasilnya. Seterusnya, setelah menganalisis data, pengkaji akan memperolehi dapatan yang ditunjukkan sama ada dalam bentuk graf atau jadual dan selepas itu kesemua dapatan itu akan dibahaskan setiap satu. Pengkaji menggunakan perisian 'MICROSOFT EXCEL' dan GIS iaitu ArcGis 10.3 dalam kajian ini. Dalam perisian 'MICROSOFT EXCEL', antara analisis yang terlibat adalah demografi di bahagian A, iaitu jantina responden, tempat tinggal, semester pengajian, kekerapan demam dalam masa sebulan, kekerapan ke klinik dalam masa sebulan, klinik yang dikunjungi, kekerapan mengambil Panadol dan kekerapan mengambil ubat selain Panadol; manakala di bahagian B pula, pengkaji akan menjalankan kerja digitasi menggunakan imej data raster daripada google earth pro, yang kemudian akan di transformasi ke dalam data vector di dalam GIS. Digitasi kawasan imej menghasilkan data vektor baharu seperti polygon, polyline dan point yang mewakili kawasan kajian di UMS. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan sistem koordinat WGS 1984 sebagai sistem rujukan geografi. Antara teknik analisis yang digunapakai dalam kajian ini adalah analisis deskripsi untuk bahagian A, dan teknik analisis interpolasi iaitu 'KRIGING' bagi bahagian B (Zin et al., 2021; Fauzi, 2015).

Dapatan dan Perbincangan Kajian


Bahagian A: Demografi responden

Penyelidikan yang dijalankan melibatkan seramai 100 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa UMS iaitu penduduk yang tinggal di kawasan kajian (UMS). Seramai 27 orang mahasiswa UMS dari kalangan lelaki dan 73 orang responden perempuan telah memberi respon terhadap borang soal selidik yang diedarkan (*Rajah 1*). Disini pengkaji dapat melihat bahawa bilangan responden perempuan lebih ramai daripada responden lelaki. Seterusnya, bagi kategori tempat tinggal responden pula, terdapat enam kategori tempat tinggal responden iaitu Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTU), Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF), Kolej Kediaman Tun Ahmad Pangeran


Rafaei (KKE), Kolej Kediaman Usia (USIA), Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher (Kingfisher) dan non residen iaitu pelajar yang tinggal selain dari kediaman yang disediakan oleh pihak UMS. *Rajah 2* menunjukkan bahawa pelajar non-residen mencatatkan bilangan yang tertinggi sebanyak 63%, seterusnya diikuti oleh KKTU, KKTF dan USIA dimana masing-masing pelajar merekodkan sebanyak 14%, 10% dan 7% yang tinggal di kediaman tersebut. Manakala bagi kediaman KKE dan Kingfisher mencatatkan bilangan yang sama iaitu sebanyak 3%. Dalam semester pengajian pula, menunjukkan majoriti responden yang memberi respon terhadap soal selidik ini terdiri daripada mereka yang dalam pengajian semester 6 iaitu sebanyak 83% daripada jumlah keseluruhan (*Rajah 3*). Manakala 9% lagi terdiri daripada responden yang berada di dalam semester 8, 4% daripada semester 4 dan 1% bagi semester 1 dan semester 3. Semester 5 dan semester 7 masing-masing tidak mencatatkan sebarang responden di dalam penyelidikan ini. Jika dilihat kepada kekerapan demam dalam masa sebulan, dapatan kajian mendapati bahawa seramai 95 orang daripada jumlah keseluruhan responden telah mengalami demam dalam kekerapan satu hingga dua kali sahaja (*Rajah 4*). Manakala bagi tahap kekerapan demam tiga hingga empat kali dalam sebulan pula mencatatkan seramai lima orang responden. Akhir sekali, kekerapan mengambil ubat seperti padanol menampakkan seramai 69 orang daripada jumlah responden yang mengambil panadol sebanyak satu hingga dua biji (*Rajah 5*). Selain itu, 17 orang daripada bilangan responden mengambil panadol sebanyak tiga hingga empat biji. Seterusnya adalah bagi pengambilan panadol sebanyak lima hingga enam biji pula direkodkan oleh lapan responden lain. Di samping itu, *Rajah 5* juga menunjukkan bahawa seramai empat orang responden yang mengambil panadol sebanyak tujuh hingga lapan biji. Manakala pengambilan jumlah panadol sebanyak sembilan biji ke atas dicatatkan oleh dua orang responden sahaja.




Rajah 1. Jantina responden.




Rajah 2. Tempat tinggal responden.



Rajah 3. Semester pengajian responden.



Rajah 4. Kekerapan responden demam dalam masa sebulan.



Rajah 5. Kekерapan responden mengambil ubat seperti panadol.


Bahagian B: Analisis faktor penularan COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS

Pengkaji telah menghasilkan 10 kriteria/kategori/pernyataan berkaitan dengan faktor penularan COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS. Hasil daripada dapatan yang diperolehi ditunjukkan dalam *Jadual 1* dan *Rajah 6*.

Jadual 1. Analisis faktor penularan COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS.

Item	Skala Likert				
	STS	TS	TP	S	SS
Tidak mengambil penjarakan sosial.	10	3	23	14	50
Tidak memakai pelitup muka di tempat awam.	7	3	21	13	56
Tidak berlaku jujur apabila sedang dilanda wabak.	20	4	19	13	44
Menghadiri kelas secara fizikal.	9	3	28	12	48
Wabak yang dibawa dari luar kampus seperti perkhidmatan penghantaran dan lain-lain.	11	5	36	17	31
Kurang peka tentang kehadiran wabak COVID-19.	23	7	35	7	28
Tidak mengambil vaksinasi.	29	5	25	14	27
Kurang penjagaan kebersihan diri.	28	6	18	8	40
Kerap berkongsi barang peribadi.	25	9	18	9	39
Kerap melepak di luar kawasan kediaman.	19	6	27	15	33

*Nota: STS=Sangat Tidak Setuju; TS=Tidak Setuju; TP=Tidak Pasti; S=Setuju; SS=Sangat Setuju.



Rajah 6. Analisis kriging bagi faktor penularan COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS.

Jadual menunjukkan jumlah bilangan responden yang menjawab bahagian B iaitu berkaitan dengan faktor penularan COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS (Rajah 6). Bagi pernyataan pertama iaitu tidak mengamalkan penjarakan sosial, sebanyak 10 orang responden yang memilih sangat tidak setuju, 23 orang lain memilih tidak pasti

berkenaan pernyataan yang diajukan dan bilangan responden yang memilih setuju adalah sebanyak 14 orang. Manakala pernyataan bagi sangat setuju mendapat sokongan yang sangat tinggi daripada mahasiswa UMS iaitu sebanyak 50 orang dan dapatan paling rendah bagi pernyataan ini adalah sebanyak tiga orang responden yang memilih tidak setuju. Selain itu, pernyataan kedua pula iaitu tidak memakai pelitup muka di tempat awam mendapat undian tertinggi bagi kategori sangat setuju dengan mata sebanyak 56 undian daripada mahasiswa UMS. Diikuti dengan 21 orang responden yang tidak pasti, 13 orang setuju, tujuh orang sangat tidak setuju dan tiga orang responden lain tidak setuju.

Seterusnya bagi pernyataan ketiga pula adalah tidak berlaku jujur apabila dilanda wabak mendapat jumlah tertinggi dalam memilih skala sangat setuju iaitu sebanyak 40 orang. Manakala sebilangan kecil responden iaitu sebanyak empat orang memilih tidak setuju dengan pernyataan tersebut dan yang memilih tidak pasti adalah seramai 19 orang. Manakala sebanyak 20 orang responden yang memilih sangat tidak setuju dan 13 orang memilih setuju. Tambahan pula, dapatan menunjukkan bahawa 48% daripada jumlah responden menyatakan sangat setuju tentang menghadiri kelas secara fizikal merupakan antara salah satu faktor penularan wabak COVID-19 ini dalam kalangan mahasiswa UMS. Bagi bilangan responden yang memilih setuju adalah sebanyak 12%. Seramai 19% yang memilih tidak pasti bagi pernyataan yang keempat ini. Manakala bagi pilihan tidak setuju mendapat sokongan sebanyak 3% dan 9% bagi sangat tidak setuju. Di samping itu, 36% daripada jumlah responden memilih tidak pasti bahawa adakah wabak COVID-19 ini dibawa dari luar kampus seperti melalui perkhidmatan penghantaran dan lain-lain. Namun, 31% daripada responden yang merupakan mahasiswa UMS sangat bersetuju dan 17% lagi bersetuju bahawa pernyataan ini merupakan penyumbang kepada berlakunya penularan wabak ini ke dalam kawasan kampus. Bagi responden yang memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju pula masing-masing mencatatkan nilai sebanyak 11% dan 5%.

Faktor keenam pula adalah kurang peka tentang kehadiran wabak COVID-19. Bagi pernyataan ini, jadual menunjukkan bahawa sebanyak 28% daripada jumlah responden yang memilih sangat setuju dan 7% lagi memilih setuju. Manakala bagi skala tidak pasti pula mencatatkan undian yang tertinggi iaitu sebanyak 35% dan 7% tidak bersetuju serta 23% lagi sangat tidak bersetuju. Tidak mengambil vaksinasi pula merupakan pernyataan ketujuh bagi bahagian ini. Dapatan menunjukkan sebanyak 29% responden yang memilih sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Selain itu, bagi skala sangat setuju pula mendapat undian sebanyak 27% daripada responden dan 25% memilih tidak pasti. Manakala bagi tidak setuju dan setuju pula masing-masing mencatatkan bilangan sebanyak 5% dan 4%. Sebanyak 40% jumlah responden yang memilih sangat setuju berkenaan dengan pernyataan bahawa kurang menjaga kebersihan diri merupakan antara faktor yang membawa kepada penularan virus ini. Undian kedua tertinggi adalah sebanyak 28% dimana mereka memilih sangat tidak setuju, 18% menyatakan bahawa mereka tidak pasti akan pernyataan tersebut dan bagi tidak setuju dan setuju adalah sebanyak 6% dan 8%.

Seterusnya, bagi faktor yang kesembilan pula adalah kerap berkongsi barang peribadi. Sebanyak 25 orang responden yang memilih sangat tidak setuju, 18 orang lain memilih tidak pasti berkenaan pernyataan yang diajukan dan pernyataan bagi sangat setuju mendapat sokongan yang sangat tinggi daripada mahasiswa UMS iaitu sebanyak 39 orang. Manakala bagi pernyataan tidak setuju dan setuju masing-masing mencatatkan nilai yang sama iaitu sebanyak 9 orang. Selain itu, faktor penularan wabak

COVID-19 yang terakhir pula adalah kerap melepak di luar kawasan kediaman. Sebilangan besar responden memilih sangat setuju dengan peratusan sebanyak 33%, diikuti dengan tidak pasti sebanyak 27%, sangat tidak setuju sebanyak 19%, setuju sebanyak 15% dan tidak setuju sebanyak 6%.

Analisis faktor berasaskan nilai peratusan tinggi

Rajah memaparkan hasil analisis kriging bagi faktor yang menyebabkan berlakunya penularan COVID-19. Paparan menunjukkan antara faktor yang mendapat persetujuan tinggi daripada responden adalah bagi faktor tidak mengamalkan penjarakan sosial, tidak memakai pelitup muka di tempat awam, tidak berlaku jujur apabila dilanda wabak, menghadiri kelas secara fizikal, kurang peka tentang kehadiran wabak COVID-19, tidak mengambil vaksinasi, kurang penjagaan kebersihan diri, kerap berkongsi barang peribadi dan kerap melepak di luar kawasan. Perkara ini jelas dapat dilihat di paparan peta di atas, dimana bahagian timur laut mencorakkan serakan warna merah dimana warna tersebut membawa nilai peratusan persetujuan yang tinggi iaitu di antara 55.8%-97.5%. Faktor yang pertama iaitu tidak mengamalkan penjarakan sosial mendapat persetujuan yang tinggi iaitu antara 76.2%-92.9%. Hal ini diperkatakan demikian kerana kawasan tersebut melibatkan kawasan kediaman pelajar, DKP baru, padang kawad dan lain-lain. Perkara ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada faktor berlakunya penularan COVID-19 dalam kalangan pelajar di UMS. Sebagai contoh aktiviti kawad yang dilakukan di padang kawad menyukarkan untuk melaksanakan penjarakan sosial secara besar-besaran. Penjarakan sosial akan membuatkan susunan barisan kawad itu menjadi kurang cantik dan tidak seragam.

Selain itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di DKP baru juga menyukarkan untuk mengadakan penjarakan sosial. Hal ini diperkatakan demikian kerana jumlah bilangan pelajar yang ramai dan ruang yang terhad. Bukan itu sahaja, pelajar juga digalakkan untuk mengadakan perbincangan dan melaksanakan aktiviti secara berkumpulan. Maka, perkara ini telah menjadi satu cabaran bagi para pelajar dan pensyarah bagi mencapai kefahaman dan menjalankan kaedah pengajaran yang berkesan. Seterusnya adalah kawasan kediaman KKE. Sedia maklum bahawa kawasan kediaman amat sukar untuk mewujudkan penjarakan sosial. Hal ini diperkatakan demikian kerana ramai pelajar yang tinggal di dalam kediaman tersebut. Penjarakan sosial lebih sukar untuk dilaksanakan kerana satu bilik menempatkan sekurang-kurangnya empat orang pelajar. Bukan itu sahaja, mereka juga terpaksa berkongsi fasiliti dan kemudahan yang disediakan dengan para pelajar lain. Maka, kebarangkalian untuk mendapat jangkitan adalah sangat tinggi di kawasan ini.

Faktor kedua pula adalah disebabkan kerana kurang penjagaan kebersihan diri. Antara kawasan yang mendapat persetujuan tinggi (64.4%-96.2%) adalah di kawasan DKP baru, padang kawad, kawasan PALAPES, pusat sukan dan lain-lain. Umum mengetahui bahawa UMS sering dilanda masalah sumber bekalan air bersih. Perkara ini telah menyukarkan para pelajar untuk membersihkan diri, mencuci pakaian dan lain-lain. Umum mengetahui bahawa air merupakan sumber keperluan asas bagi kehidupan. Aktiviti bersukan dan berkawad yang dilakukan dapat mengeluarkan banyak peluh. Oleh itu, antara kawasan yang paling terkesan dengan isu ini adalah kolej kediaman sehingga beberapa kelas terpaksa dibatalkan dan dijalankan secara atas talian akibat daripada terputus bekalan air bersih. Apabila sumber air terputus, maka terdapat pelbagai lambakan pakaian kotor yang tidak dicuci dan aktiviti seperti mandi dan lain-

lain turut tergendala. Perkara ini akan membuatkan bakteria dan virus lebih mudah untuk tersebar dan menjangkiti mereka.

Analisis faktor berasaskan nilai peratusan sederhana

Tahap kedua pula adalah sederhana yang mencatatkan nilai di antara 39.7%-82.3%. Tahap sederhana menghasilkan serakan yang berwarna jingga. Terdapat beberapa faktor yang menghasilkan corak analisis yang hampir sama seperti tidak mengamalkan penjarakan sosial, tidak memakai pelitup muka, tidak mengambil vaksinasi, kurang penjagaan kebersihan diri, kerap berkongsi barang peribadi dan kerap melepak di luar kawasan kediaman. Rajah di atas menunjukkan ke semua faktor ini mendapat persetujuan yang sederhana daripada responden yang berada di kawasan sebelah barat. Kawasan sebelah barat yang merangkumi beberapa buah fakulti seperti ASTiF, FSSK, FPEP, FSSA dan bangunan lain mencapai persetujuan yang sederhana kerana pada musim COVID-19, kebanyakan kelas dilaksanakan secara atas talian. Kadar jangkitan di kawasan ini juga sederhana kerana tidak ramai pelajar yang hadir ke fakulti ekoran daripada perintah berkurung dan hanya segelintir sahaja pelajar yang hadir ke fakulti atas alasan tertentu dan urusan penting yang tidak dapat dielakkan. Maka, untuk melaksanakan penjarakan sosial di kawasan ini adalah mudah kerana bilangan pelajar dan pensyarah yang tidak ramai dalam satu masa di kawasan itu. Walau bagaimanapun, kebolehjangkitan virus ini tetap ada kerana aktiviti ini telah melibatkan pertemuan antara satu individu dan individu lain. Oleh itu, jelaslah mengapa kawasan ini mendapat persetujuan yang sederhana (60.9%-92.9%) daripada responden yang menjawab soal selidik ini.

Selain itu, bagi faktor kedua iaitu tidak memakai pelitup muka di tempat awam pula mendapat sokongan sebanyak 69.3%-82.3% oleh responden. Berkenaan dengan faktor ini, antara kawasan lain yang terlibat selain dari kawasan di atas adalah kawasan kediaman, padang kawad dan pusat sukan. Responden di kawasan ini mengakui bahawa mereka tidak memakai pelitup muka terutama ketika berada di dalam kediaman masing-masing. Hal ini diperkatakan demikian kerana mereka berasa rimas dan tidak selesa untuk memakai pelitup muka ini sepanjang masa. Tambahan pula, terdapat segelintir pelajar yang mengalami alahan di kulit muka akibat daripada pemakaian pelitup muka tersebut. Pelajar-pelajar yang menjalankan aktiviti bersukan juga didapati tidak memakai pelitup muka. Hal ini kerana mereka bergerak secara aktif dan memerlukan kawalan pernafasan yang baik bagi mengelakkan daripada sebarang kecelakaan berlaku. Sekiranya mereka memakai pelitup muka ketika bersukan, perkara ini akan mengganggu pernafasan mereka dan membuatkan mereka berasa tidak selesa.

Analisis faktor berasaskan nilai peratusan rendah

Penilaian yang ketiga adalah tahap rendah iaitu yang mempunyai sokongan di antara 12.2%-69.2%. Peta di atas menghasilkan serakan berwarna kuning diantara kawasan yang mendapat persetujuan rendah daripada responden adalah di kawasan tenggara yang merangkumi kawasan masjid, Pusat Rawatan Warga (PRW) dan beberapa buah bangunan lain. Kawasan ini mendapat persetujuan yang rendah tentang beberapa faktor yang menyumbang kepada penularan wabak. Antaranya adalah seperti tidak memakai pelitup muka di tempat awam, tidak berlaku jujur apabila dilanda wabak, wabak yang dibawa dari luar kampus seperti perkhidmatan penghantaran dan lain-lain, kurang peka terhadap kehadiran wabak COVID-19, tidak mengambil vaksinasi, kurang penjagaan

kebersihan diri, kerap berkongsi barang peribadi dan kerap melepak di luar kawasan kediaman. Bagi faktor tidak memakai pelitup muka di tempat awam mendapat persetujuan yang rendah di kawasan itu dengan nilai 45.2%-69.2%. Kebanyakan responden di kawasan ini tidak bersetuju bahawa faktor ini menyumbang kepada penularan di kawasan ini kerana untuk keluar ke tempat awam, seluruh individu diwajibkan memakai pelitup muka. Tambahan pula, aktiviti beribadah di masjid juga mempunyai kawalan SOP yang ketat dan tidak melibatkan ramai jemaah. Hal ini diperkatakan demikian kerana untuk melaksanakan ibadah di masjid, seseorang perlu membuat tempahan tempat untuk memasuki ke dalam masjid bagi mengelakkan daripada berlaku kesesakan. Jemaah yang hadir juga diwajibkan memakai pelitup muka dan pihak bertugas akan membuat pemeriksaan kesihatan seperti membaca suhu jemaah yang hadir.

Faktor tidak mengambil vaksinasi juga tidak relevan di kawasan ini dan mendapat sokongan sebanyak 14.6%-39.6%. Hal ini diperkatakan demikian kerana setiap individu telah diwajibkan untuk mengambil vaksinasi bagi mengekang penularan ini. Tambahan pula, untuk memasuki ke masjid dan premis-premis lain, individu tersebut perlu membawa sijil lengkap vaksinasi diri. Tambahan pula, isu kerap berkongsi barang peribadi juga kurang mendapat persetujuan ramai (26.3%-47.7%) terutama di kawasan masjid. Hal ini diperkatakan demikian kerana setiap individu yang menghadiri ke masjid diwajibkan untuk membawa kelengkapan sendiri seperti sajadah dan lain-lain. Inisiatif ini diambil bagi mengekang penularan wabak akibat daripada perkongsian sajadah dan barangan peribadi lain.

Seterusnya adalah faktor kerap melepak di luar kawasan kediaman. Responden yang tidak bersetuju dengan faktor ini adalah sebanyak 32.1%-53%. Antara kawasan yang mendapat sokongan rendah adalah di sekitar kediaman dan masjid. Responden kurang bersetuju dengan pernyataan ini kerana mereka lebih banyak meluangkan masa untuk tinggal di kediaman masing-masing. Hal ini diperkatakan demikian kerana di persekitaran kediaman pelbagai fasiliti dan kemudahan yang telah disediakan seperti kafe, surau dan lain-lain. Perkara ini membuatkan mereka kurang untuk keluar melepak di luar kawasan kediaman kerana semua kemudahan dan keperluan boleh didapati dengan mudah di kediaman mereka.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kehadiran COVID-19 telah membawa pelbagai impak kepada sektor pendidikan. Isu ini telah menyebabkan mahasiswa terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menuntut ilmu di samping memastikan kesihatan diri terjaga. Sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pelajar yang enggan memakai pelitup muka telah menyebabkan virus ini terus menular dalam kalangan mahasiswa di UMS. Virus ini telah menyebabkan tahap kesejahteraan dan kesihatan fizikal para pelajar merosot dan terjejas. Namun, mahasiswa juga telah mengaplikasikan beberapa langkah pencegahan seperti sentiasa menjaga kebersihan diri dan sekeliling bagi mengurangkan penularan wabak ini.

Penghargaan

Pengarang menjalankan kajian penyelidikan dengan kos sendiri.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Chear, S.L.S., Mohd, M.I., Hamzah, S.H. (2018): Kepentingan aktiviti fizikal dalam membina personaliti dan meningkatkan prestasi akademik: The importance of physical activity in building personality and improve academic performance. – *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani* 7(1): 21-33.
- [2] Chong, S.T., Sidi, H., Mohamad, M.S. (2021): Aplikasi Teknik Ketara Sedar Bagi Pemerkasaan Kesihatan Mental Semasa Pandemik Covid-19. – *e-BANGI* 18(6): 17-27.
- [3] Fauzi, R. (2015): Isu, cabaran dan prospek aplikasi dan pelaksanaan Sistem Maklumat Geografi di Malaysia: Satu pengamatan. – *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 11(2): 118-127.
- [4] Kaslim, N., Ashaari, M.F. (2022): Stres pembelajaran dalam talian ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) dalam kalangan mahasiswa. – *Al-Hikmah* 14(2): 3-23.
- [5] Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., Moharam, M.M.H. (2021): Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 di Sandakan, Sabah: Cabaran dan Signifikan. – In *Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)* 3p.
- [6] Nor, N.M.M., Kaspin, K.G., Jamal, M.B., Marzuki, M. (2022): Isu stress impak pandemik COVID-19 di kalangan pelajar yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian: Satu tinjauan awal. – *International Journal of Education, Psychological and Counselling* 7(45): 83-95.
- [7] Nugraha, A.R., Windayana, H., Jaelani, W.R., Vichaully, Y. (2021): Revitalisasi Perpustakaan dalam Menunjang Prestasi Akademik Siswa Sekolah Dasar. – *Aulad: Journal on Early Childhood* 4(3): 337-342.
- [8] Salleh, N.M., Said, M.H.M. (2022): Pelaksanaan Undang-undang Pengawalan Penyakit Berjangkit dan Pematuhan Tatacara Pengendalian Piawai Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. – *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(11): e001983-e001983.
- [9] Sarasnita, N., Raharjo, U.D., Rosyad, Y.S. (2021): Dampak pandemi covid-19 terhadap pelayanan kesehatan rumah sakit di Indonesia. – *Jurnal Kesehatan* 1(1): 307-315.
- [10] Yulita, I.N., Rizka, Y. (2021): Pemberdayaan Guru melalui Pelatihan Media Pembelajaran Jarak Jauh Di Masa Pandemi. – *Kumawula: Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat* 4(3): 494-499.
- [11] Yunus, A.A.M., Yunus, A.A.M., Ibrahim, M.S., Ismail, S. (2021): Analisis Kes Aktif Covid-19 Di Malaysia Menggunakan Permodelan Matematik SIR; Kajian Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1. – *Ulum Islamiyyah* 33(S4): 217-227.
- [12] Zin, S.A.M., Ismail, R.N.H.R., Rozali, W.N.A.W., Isa, N.K.M. (2021): COVID-19: Impak pandemik terhadap konflik emosi dan pendidikan di Malaysia–Satu kajian literatur. – *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management* 6(5): 1-14.